## ZON MASTERI

**A** *Pilih peribahasa yang paling sesuai.* Membaca : TP4

1 Abang __________ di sofa kerana kepenatan bekerja sepanjang hari.
- A tidur mati
- B makan hati
- C tidur-tidur ayam
- D tawar hati



2 Azman menjadi __________ dalam pasukan bola sepak di sekolahnya.
- A kaki ayam
- B cakar ayam
- C ayam tambatan
- D berat mulut

3 Kita mesti berusaha gigih dan tidak mudah berputus asa jika ingin mencapai kejayaan dalam kehidupan kerana __________.
- A alah bisa tegal biasa
- B jika tidak dipecahkan ruyung, di mana boleh mendapat sagu
- C sediakan payung sebelum hujan
- D malang tidak berbau

4 Encik Rosli mengambil perlindungan insurans untuk sekeluarganya kerana beliau hendak __________.
- A nasi sudah menjadi bubur
- B biar lambat, asalkan selamat
- C lempar batu sembunyi tangan
- D sediakan payung sebelum hujan



5 Pasangan suami isteri itu sama padan dan diibaratkan seperti __________.
- A pinang dibelah dua
- B anjing dengan kucing
- C aur dengan tebing
- D pungguk rindukan bulan

6 Xiao Hui __________ saja apabila rakan-rakan sekelasnya bergotong-royong membersihkan kelas.
- A berlapang dada
- B membanting tulang
- C berpeluk tubuh
- D pasang telinga

7 Barangan kraf tangan yang dipamerkan di situ merupakan __________ penghuni Penjara Kajang.
- A ringan tangan
- B lepas tangan
- C bekas tangan
- D dalam tangan

8 Puan Alice membuat kerja rumah __________ kerana sebentar lagi tetamu akan datang ke rumahnya.
- A seperti lipas kudung
- B seperti cacing kepanasan
- C seperti api dalam sekam
- D seperti abu di atas tunggul

/ 16



LIVEWORKSHEETS